

**Presiden Vietnam Tiba Esok Untuk Lawatan Rasmi Tiga Hari
Bernama
27 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Presiden Vietnam Truong Tan Sang akan tiba di sini esok untuk lawatan rasmi tiga hari atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra di sini Selasa, lawatan berkenaan akan memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Malaysia dan Vietnam mempunyai hubungan erat dan mesra hasil jalinan kerjasama yang wujud antara kedua-dua negara sejak 1973. Ini merupakan lawatan rasmi Sang sejak dilantik sebagai Presiden pada Julai," menurut kenyataan itu.

Lawatan Presiden Vietnam itu adalah kunjungan balas lawatan rasmi Tuanku Mizan dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah ke Vietnam pada 2009.

Sang akan diiringi isteri Mai Thi Hanh; Timbalan Perdana Menteri Vietnam Nguyen Thien Nahn dan beberapa menteri Kabinet dan timbalan menteri serta pegawai kanan kerajaan Vietnam.

Majlis sambutan rasmi akan diadakan di Dataran Parlimen esok. Tuanku Mizan dan Tuanku Nur Zahirah akan mengadakan jamuan negara meraikan Sang dan Hanh di Istana Negara.

Presiden Vietnam itu turut dijadual menerima kunjungan hormat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=615986>